

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/93

Oktober/November 1992

RMT 552 - Pengurusan Projek 1

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercerak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Kepentingan sektor pembinaan di dalam pembangunan ekonomi negara dapat dinilai daripada sumbangan sektor ini dalam Keluaran Dalam Negara Kasar. Kepentingan industri pembinaan Malaysia secara umum boleh di-analisis melalui parameter-parameter penggerak pembangunan, kerajaan sebagai klien utama dan sumbangan yang besar kepada pembentukan aset modal tetap.

Dengan usaha-usaha kearah mencapai status negara maju, industri pembinaan akan sepatutnya meningkatkan kepentingannya dalam pembangunan ekonomi.

Dari pembacaan anda, komen secara kritikal, peranan industri pembinaan dalam dekad-dekad yang akan datang dengan mengambil kira DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL DAN PERANCANGAN WAWASAN 2020.

(25 markah)

2. Penawaran kerja-kerja pembinaan bergantung kepada kapasiti sektor ini memenuhi permintaan. Dengan mengambil kira senario hipotetikal, suatu projek pen-swastaan bernilai M\$1 billion perlu disiapkan sebelum tahun 1998, analisis secara kritikal faktor-faktor makro ekonomi yang boleh menjamin kejayaan projek besar sebegini.

(25 markah)

...2/-

3. Penawaran perumahan di Malaysia ditangani oleh kedua-dua sektor swasta dan awam. Andaikan yang anda pemaju perumahan swasta, bincangkan situasi semasa berhubung dengan masalah yang dihadapi oleh pemaju-pemaju swasta dalam penyediaan perumahan di Malaysia.

(25 markah)

4. (a) Dengan menggunakan rajah, terangkan aliran kewangan firma binaan dalam sesuatu jangka masa. Terangkan R.O.C.E.?
(b) Bagaimana keperluan modal kerja untuk projek pembinaan boleh diminimumkan?

(25 markah)

5. Apakah kesan-kesan lebihan kontrak dari segi kos dan masa dalam projek pembinaan dan bagaimanakah ini boleh dikurangkan atau dielakkan?

- (a) Klien dan kontraktor ditahap projek.
(b) Ekonomi ditahap nasional.

(25 markah)

6. Kenapa kawalan kewangan Firma Binaan adalah lebih kompleks dari firma-firma industri lain seperti industri perkilangan, pengangkutan dan lain-lain.

Beri pendapat anda, bagaimanakah kawalan kewangan firma binaan boleh ditingkatkan lagi?

(25 markah)

-00000000-